

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2012  
DAN  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011**

---

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan &  
Pengurusan Lalulintas

Ahli-Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua- Ketua Jabatan

Pesara-pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Wakil-wakil media

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, selamat pagi dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya maka dapat kita bersama-sama berada di Majlis Penghargaan Pesara 2012 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 di Dewan Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas ini. Terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir bersama program MPSP pada pagi ini.
2. Majlis yang bermakna ini adalah untuk meraikan warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menunjukkan prestasi dan juga berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2011 dan juga meraikan pesara yang telah berkhidmat dan berjasa kepada MPSP yang telah dan akan bersara tahun 2012 ini. Syukur jua kepada Allah s.w.t. kerana majlis ini dapat dilaksanakan dengan jayanya pada tahun ini. Tahniah saya ucapkan kepada urusetia Majlis kerana dapat mengadakan Majlis Anugerah ini pada bulan Mac tahun ini kerana mengadakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selewat-lewatnya pada bulan Mac adalah salah satu criteria Pihak Berkuasa Tempatan 5 Bintang. Tahun lepas MPSP mendapat 4 bintang. Tahun ini kita berusaha untuk mendapat tahap PBT 5 bintang.
3. Pada tahun ini, terdapat seramai 136 orang pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang terdiri daripada 132 orang pekerja tetap dan 4 orang pekerja kontrak dari pelbagai peringkat jawatan dan jabatan telah dipilih untuk menerima Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang pada Tahun 2011. Dalam masa yang sama, majlis ini juga diadakan bertujuan untuk meraikan seramai 32 orang pesara yang terdiri daripada 17 orang persara wajib, 11 orang persara pilihan serta 4 orang wakil bagi kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Sementara itu, penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2011 akan menerima sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah prestasi sebanyak RM1000, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerja seperti menghadiri kursus dan sebagainya, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri serta nama dan gambar penerima akan dipamerkan di lokasi pejabat yang strategik.

4. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh ketua jabatan dan bahagian masing-masing. Semoga semua penerima anugerah ini akan terus komited dan terus meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti Majlis Perbandaran Seberang Perai, menyemarakkan lagi semangat semua warga Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti Majlis Perbandaran Seberang Perai iaitu untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Ini adalah bertepatan dengan moto MPSP *Sustainability is Our Commitment*.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Kecemerlangan sesebuah organisasi tidak bergantung kepada satu pihak semata-mata sebaliknya melibatkan semua peringkat dari pengurusan tertinggi hingga ke peringkat bawahan. Oleh sebab itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi di kalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang di tahap yang amat membanggakan. Bak kata pepatah “ Bara yang digenggam biar sampai menjadi arang” yang bermaksud mengerjakan sesuatu perkara itu hendaklah tabah sehingga mendapat kejayaan. Adalah menjadi harapan saya agar setiap warga MPSP akan lebih komited kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi mencapai objektif ini. Tuan-tuan dan puan-puan yang menawarkan diri untuk berkhidmat dengan MPSP, tuan-tuan dan puan-puan yang memohon dan berusaha untuk menghadiri temuduga di MPSP. Jika tuan-tuan dan puan-puan sendiri yang menawarkan diri untuk berkhidmat di MPSP dan berjanji dalam temuduga maka, laksanakanlah janji dan amanah yang di berikan dengan baik.

6. Majlis Perbandaran Seberang Perai berusaha untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa.

7. Fokus MPSP 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang. Dalam usaha untuk menjayakan Fokus MPSP ini, peranan kita sebagai kakaitangan MPSP amat penting dalam memberikan perkhidmatan yang tepat, *timely* dan saksama kepada *stakeholders*. Melalui pendekatan ini, ianya memberi ruang untuk menghasilkan *value added outcome* dan impak yang positif kerana pendedahan kepada kejayaan atau sebaliknya boleh menjadi teladan dan iktibar kepada organisasi lain. MPSP telah menerima banyak anugerah kecemerlangan dan inovasi, Anugerah Khas PBT terbaik, Anugerah Inovasi Kewangan peringkat negeri dan diantara 3 agenda terbaik diperingkat nasional tahun lepas. Tahun ini sekali lagi kita diantara 3 organisasi terbaik dan penilaian sistem kewangan MPSP baru sahaja dinilai oleh Panel Penilai diperingkat Nasional bulan lepas, mudah-mudahan kita berdoa untuk menjadi johan tahun ini. Tahun lepas hadiah johan adalah wang tunai RM300k. MPSP juga telah mendapat anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Penyediaan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2011 dan Anugerah Laman Web 5 bintang oleh pihak MAMPU. Sistem ICT Perakaunan dan sistem ICT Pelesenan MPSP juga telah mendapat perhatian dari PBT-PBT lain. Mungkin tahun hadapan kita boleh masuk Pertandingan Anugerah Inovasi Kebangsaan – Sistem Penilaian dan Sistem Pelesenan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

8. Melalui Ucapan Y.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa Majlis Angkat

Sumpah Ahli Majlis MPSP 2012, beliau telah menyatakan ingin melihat proses perubahan yang positif serta budaya kerja yang lebih cemerlang bagi memenuhi aspirasi rakyat. Kita disarankan untuk meningkatkan program-program pendidikan terhadap warga Seberang Perai dan memperhebatkan program-program kitar semula. Kerana sekiranya kesedaran dikalangan penduduk setempat telah mula dipupuk, kerja-kerja Majlis akan menjadi lebih mudah Oleh itu Fokus 2012, MPSP adalah Eko-komuniti akan terus digalakkan supaya komuniti Seberang Perai dengan program Anugerah Sekolah Hijau Taman Sekolah Hijau, Zero Waste di peringkat Sekolah dan Organisasi dan 5 kumpulan Local Action 21 untuk menjadikan Seberang Perai sebagai “eco-town”.

Beliau turut menekankan perancangan pembangunan, dimana kita perlu pastikan pembangunan yang akan dilaksanakan dilihat dengan cara menyeluruh (holistic), mapan dan terancang. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kualiti hidup dan pencapaian pembangunan mapan tanpa memudaratkan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Dalam hubungan ini, kesedaran untuk memelihara alam sekitar di dalam segala rancangan pembangunan perlulah diutamakan.

9. Sementara Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pula pernah menyatakan, kita, *not only work hard*, tapi *must work smart* dan *honest*. Kerjasama Ahli Majlis-Ahli Majlis dan pihak pentadbiran perlu ada untuk mencapai bandaraya bertaraf antarabangsa. Beliau ingin melihat Seberang Perai bersih, hijau dan selamat sihat dan bertaraf antarabangsa. Justeru, saya amat berharap agar kita dapat bersama-sama berusaha berganding bahu menjadikan harapan Kerajaan Negeri suatu kenyataan.

10. Di sini, saya ingin berkongsi dengan semua kakitangan MPSP mengenai beberapa aspek yang perlu diberi penekanan dalam memastikan kejayaan setiap yang dirancang mencapai matlamat objektif yang diingini. Kita perlulah bekerja berlandaskan kepada Prinsip 3S iaitu ;

- **SIKAP**

Dengan mengubah sikap diri sendiri (dalaman), ia akan mengubah kejayaan kita (luaran). Sikap kita terhadap kerja, masa, wang, kejayaan, orang disekeliling, ilmu dan sebagainya.

- **SISTEM**

Setiap kerja yang kita laksanakan perlulah mempunyai sistem. Apa yang dimaksudkan system adalah SOP yang menjadi panduan dan memudahkan kerja kita. Prosedur kerja adalah rangkaian tata kerja yang saling berkaitan sehingga menunjukkan adanya suatu urutan tahap demi tahap yang harus dikerjakan dalam rangka penyelesaian suatu proses kerja.

- **SEMANGAT BERPASUKAN**

Semangat berpasukan ialah unsur yang menyatupadukan seluruh kakitangan jabatan dalam menjayakan peningkatan kualiti. Semangat ini dipraktikkan melalui kerjasama, komitmen dan penyertaan kakitangan secara menyeluruh di dalam program-program peningkatan kualiti yang diperkenalkan oleh jabatan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

11. Sesungguhnya kejayaan yang kita kecapi ini tidak dapat

direalisasikan tanpa kerjasama yang padu daripada tuan-tuan dan puan-puan. Jadi, besarlah harapan saya kepada semua kakitangan MPSP untuk mengubah sikap kepada sikap yang positif, mempunyai perasaan bangga menjadi kakitangan MPSP. Kita boleh, kalau kita hendak, dan kita boleh lakukannya bersama-sama.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

12. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, Buku Fokus MPSP 2012 yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang sebaik selepas Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPSP 2012 pada 5 Januari 2011 yang lalu. Fokus MPSP 2012 adalah merupakan pelan tindakan jangka pendek dan juga merupakan semakan terhadap pelaksanaan *Blueprint* Program Transformasi MPSP 2011-2015. Oleh itu, Fokus MPSP 2012 dengan tema “*Sustainability is Our Commitment*“ menterjemah aspirasi *stakeholders* ke arah mencapai visi dan misi MPSP dan seterusnya menyokong inisiatif “Cleaner Greener Penang” yang akan memacu ke arah pencapaian Pulau Pinang iaitu untuk menjadi bandar bertaraf antarabangsa. Oleh itu penerima anugerah cemerlang ini hendaklah *sustain* kecemerlangan ini untuk tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang. Sesiapa yang telah menerima Anugerah Cemerlang pada tahun 2010 dan sebelumnya hendaklah mampu untuk *sustain* di tahun yang akan datang.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2011. Bagi pegawai dan kakitangan yang tidak terpilih, berusahaalah dengan lebih gigih untuk memastikan tahun hadapan adalah giliran anda pula. Kekalkan semangat bekerja dalam sebuah pasukan dan terus bersatu

hati mempamerkan kecemerlangan prestasi kerja MPSP di mata negara. Siapa tahu berkat usaha dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memperlihatkan kecemerlangan diri anda sendiri dan akan berpeluang untuk berdiri di atas pentas ini sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun hadapan pula.

14. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menghadiahkan dua rangkap pantun,

Bunga seroja di tepi kali,  
Bunga melati bunga di darat,  
Orang cemerlang untung sekali,  
Jadi sebutan sepanjang hayat.

Sultan Mahmud mangkat dijulang,  
Kisah temurun dahulu kala,  
Prestasi kerja sentiasa cemerlang,  
Menjadi teladan kepada semua.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.